

# Pembangunan ekonomi kitaran pacu Malaysia jadi hab biojisim

Sisa buangan agrikomoditi terutama sawit boleh digunakan sebagai komponen penting

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, yakin Malaysia mampu muncul sebagai hab biojisim menerusi pembangunan ekonomi kitaran, sesuai dengan status negara sebagai pengeksport minyak sawit kedua terbesar di dunia dan penyumbang terbesar dalam industri biojisim.

Perdana Menteri berkata, bagi memacu pembangunan ekonomi kitaran itu, tumpuan juga diberi kepada pendekatan untuk menggunakan bahan mentah daripada sisa buangan atau lebihan dalam rantaian sektor agrikomoditi.

“Ini termasuk menjadikan sumber biojisim agrikomoditi sebagai antara komponen penting dalam ekonomi kitaran.

“Kerajaan juga amat menggalakkan usaha untuk menjadikan hampas isirung sawit sebagai bahan mentah makanan domestik akuakultur dan penternakan, bagi mengurangkan pergantungan import dan menyumbang kepada inisiatif sekuriti

makanan negara,” katanya.

Perdana Menteri berucap demikian ketika merasmikan Ekspo dan Sidang Kemuncak Agrikomoditi Antarabangsa Malaysia 2022 (MIACES) yang berlangsung di Pusat Pameran dan Antarabangsa Malaysia (MITEC) mulai semalam hingga Khamis ini.

Acara itu menarik penyertaan lebih 350 syarikat dari 39 negara. Yang turut hadir Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Zuraida Kamaruddin serta Menteri Sains dan Teknologi, Datuk Seri Dr Adham Baba.

## Bantu jana semula ekonomi

Ismail Sabri berkata, usaha menggunakan bahan sisa agrikomoditi itu sebagai alternatif kerana menyedari seluruh dunia termasuk Malaysia, berdepan cabaran sekuriti makanan akibat ketidaktentuan ekonomi global dan krisis geopolitik serta perubahan iklim.

Beliau berkata, perkembangan itu menjejaskan rantaian bekalan makanan kerana ada negara menghentikan eksport bahan makanan untuk keperluan haiwan ternakan.

Pada masa sama, Perdana Menteri turut berharap sektor agrikomoditi dapat membantu negara menjana semula ekonomi dan mengembalikan kestabilan ekonomi rakyat.

Katanya, kerajaan menyasar MIACES 2022 yang bermula semalam, mampu menjana lebih RM300 bilion nilai eksport, sekali gus menjadi platform terbaik untuk penggiat industri agrikomo-

diti tempatan mengembangkan eksport produk ke pasaran baharu.

Beliau berkata, sektor agrikomoditi menyediakan peluang pekerjaan kepada hampir sejuta rakyat pada peringkat hulu, meningkatkan taraf hidup dan pendapatan rakyat, terutama pekebun kecil dan masyarakat di luar bandar sejak berdekad yang lalu.

“Kerajaan sangat komited dalam usaha memacu pembangunan sektor agrikomoditi agar lebih kukuh, berdaya saing dan berorientasikan pasaran bagi memenuhi agenda pembangunan sosioekonomi negara.


“Saya juga sentiasa berharap sektor agrikomoditi dapat membantu negara menjana semula ekonomi dan mengembalikan kestabilan ekonomi rakyat,” katanya.

## Pelbagaikan produk

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) dan agensi berkaitan, diberikan tanggungjawab menguruskan sektor agrikomoditi secara mampan, dengan implikasi dilihat menerusi pelaksanaan secara mandatori pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) bermula 2020.

“Walaupun pengeluaran minyak sawit jatuh ke tahap rendah akibat cuaca buruk tahun lalu, sektor agrikomoditi tetap teguh.

“Sehingga Februari lalu, nilai komoditi eksport meningkat lima peratus, iaitu sebanyak RM31.6 bilion berbanding tem-



Ismail Sabri sambil diperhatikan Zuraida merasmikan Ekspo dan Sidang Kemuncak Agrikomoditi Antarabangsa Malaysia 2022 di MITEC, semalam.  
(Foto Asyraf Hamzah/BH)

poh sama tahun lalu.

“Menjelang akhir tahun lalu, sektor ini mencapai nilai perdagangan RM270.2 bilion, iaitu peningkatan 39.7 peratus berbanding tahun sebelumnya,” katanya.

Ismail Sabri berkata, kerajaan akan terus menggalakkan pelaburan langsung asing (FDI) bagi mempelbagaikan produk agrikomoditi dengan nilai tambah tinggi.

Katanya, bagi produk sawit contohnya, syarikat milik kerajaan China akan bekerjasama de-

ngan syarikat Malaysia dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) untuk mengeluarkan *hydrotreated vegetable oil (HVO)* dan bahan api penerbangan mampan (SAF) di negara ini membabitkan FDI bernilai RM6 bilion.

“Usaha sama ini bakal menawarkan 1,000 peluang pekerjaan. Pembinaan kilang HVO dan SAF pertama di Malaysia ini adalah salah satu inisiatif untuk memacu sektor sawit negara ke arah industri berteknologi dan bernilai tinggi,” katanya.